

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Noor Azmi bin Ghazali
[Bagan Serai]

TARIKH : 19 Oktober 2015

SOALAN : Dr. Noor Azmi bin Ghazali minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah langkah Kerajaan yang lebih
serius seterusnya untuk menghentikan
pencerobohan dan penganiayaan
terhadap nelayan pantai dan
menjejaskan pendapatan mereka
khususnya di pesisir pantai Kuala Gula
hingga ke sempadan Pulau Pinang,
berikutan penggunaan pukot kenka oleh
nelayan-nelayan yang sepatutnya
beroperasi di luar 5 batu nautika dari

pantai dan dari 6 pagi hingga ke 6 petang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mencadangkan beberapa langkah baru yang lebih serius untuk menghentikan pencerobohan dan penganiayaan terhadap nelayan pantai berikutan penggunaan pukot kenka. Langkah-langkah tersebut adalah:

- i) mewajibkan pemasangan *Mobile Tracking Unit* (MTU) atau *Automatic Identification System* (AIS) ke atas semua vesei kenka dua bot;
- ii) menggunakan saiz mata keroncong pukot tunda tidak kurang 38 mm;
- iii) melaksanakan dasar lesen tidak boleh dipindah milik; dan
- iv) mengenakan kompoun yang tinggi dan digantung lesen selama setahun sekiranya didapati melanggar syarat dan peraturan lesen yang ditetapkan.

Selain itu, bagi membanteras aktiviti menangkap ikan menggunakan peralatan pukat kenka yang menyalahi syarat-syarat lesen di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. menjalankan program pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang termasuk di kawasan Pantai Barat dan Utara Semenanjung Malaysia. Nelayan yang melakukan kesalahan akan ditahan bersama vesel dan peralatannya dan boleh dikompaun di bawah Seksyen 31 Akta Perikanan 1985 ataupun didakwa di Mahkamah;
- ii. mengenakan kadar kompaun yang lebih tinggi sebagai langkah pencegahan mulai 1 Jun 2015 di mana kadar kompaun telah dinaikkan kepada RM1200, RM1500 dan RM2000 berbanding RM800, RM900 dan RM1000 bagi kesalahan pertama, kedua dan ketiga. Lesen akan digantung setahun mulai dari kesalahan pertama manakala peralatan akan dirampas bagi kesalahan ketiga. Kes akan didakwa di mahkamah bagi kesalahan keempat. Sekiranya disabit kesalahan, lesen vesel dan peralatan akan

dibatalkan di bawah Seksyen 33 dan vesel serta peralatan juga akan dilucuthakkan di bawah Seksyen 52 Akta Perikanan 1985.

Bagi tahun 2015 (sehingga 10 September 2015), sebanyak 23 buah vesel pukat kenka yang mencero boh kawasan perairan kurang 5 batu nautika telah ditahan dan dikenakan kompaun manakala 3 buah vesel telah digantung lesennya selama setahun;

- iii. meminda syarat-syarat lesen yang lebih ketat di bawah Seksyen 10 Akta Perikanan 1985 bagi mengawal operasi vesel pukat kenka seperti mengetatkan proses pindah milik dan tukar kulit vesel; dan
- iv. menubuhkan Sukarelawan Perikanan (SUPER) yang akan membantu mengumpul dan menyampaikan maklumat kepada kerajaan tentang aktiviti-aktiviti penangkapan ikan yang menyalahi undang-undang termasuk aktiviti nelayan vesel pukat kenka supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dapat bertindak dengan lebih berkesan.